

**Koh Ucap Tahniah Kepada Palanivel Yang Dilantik Jadi Menteri  
Bernama  
Julai 30, 2011**

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari Sabtu mengucapkan tahniah kepada rakan sejawatannya dari MIC Datuk G. Palanivel atas pelantikan beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

"Memang bagus dapat bekerja dengan rakan lama sekali lagi selepas 30 tahun, tapi sekarang bekerja bagi agenda nasional yang lebih besar untuk semua rakyat Malaysia," katanya yang pernah bekerja dengan Palanivel dalam Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) lewat tahun 1970an.

Koh yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata sebagai rakan, beliau yakin keupayaan dan sikap dedikasi Palanivel dapat membantu pemimpin MIC itu menyumbang dengan lebih hebat kepada negara dan masyarakat India khususnya.

"Saya mahu bekerjasama secara lebih rapat dengan beliau untuk berkhidmat kepada rakyat Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita," katanya dalam kenyataan di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pelantikan Palanivel pada Perhimpunan Agung ke-65 MIC di Putrajaya hari ini.

Koh juga berkata pelantikan Palanivel membuktikan komitmen yang konsisten Perdana Menteri dalam meningkatkan kebajikan komuniti India.

"Pertambahan wakil komuniti India dalam kabinet adalah satu lagi pencapaian yang signifikan kepada negara dan masyarakat di bawah semangat 1Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605126>